



Hanya untuk berseronok atau menjadi pembuli?

Lebih daripada 8 kes buli dilaporkan berlaku di sekolah-sekolah di Malaysia. Namun boleh anda bayangkan jumlah sebenar kes buli yang tidak dilaporkan!

Apa sebenarnya definisi anda berkenaan buli? Ramai yang beranggapan ia melibatkan keganasan fizikal, tetapi sebenarnya bukan!

Fahamlah ini;

1. Bila seorang individu disisihkan dan tidak dijemput untuk menyertai kelompok kumpulan untuk duduk bersama di meja makan- itu adalah pengasingan sosial dan buli.
2. Apabila kita menulis perkataan yang kejam atau menyebarkan foto yang kurang elok tanpa kebenaran dalam talian, itu juga dikira sebagai buli. Sama ada secara dalam talian atau dalam kehidupan sebenar, kata-kata kejam amat menyakitkan dan sukar untuk dilupakan.
4. Apabila remaja yang lebih tua memaksa individu yang lebih muda menjalani ritual yang memalukan atau lebih tepat di sebut 'ragging' dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada budaya, ia sebenarnya adalah buli dan anda tidak perlu berdiam diri atau bersabar dengannya.

Jika anda tertanya-tanya mengapa mangsa tidak membalas apabila dibuli, jawapannya kerana mereka tidak berdaya. Pembuli kebiasaannya lebih kuat daripada mangsa, dan kadangkala faktor usia atau lebih ramai pengikut menjadi penyebab mangsa berdiam diri. Untuk itu, mangsa memerlukan seseorang untuk mempertahankannya.

Jika anda melalui salah satu situasi ini, jangan biarkan orang lain memberitahu anda ia tidak penting - termasuklah guru dan ibu bapa anda. Anda tidak perlu melaluinya seorang diri. Lihat video seterusnya untuk mendapatkan penyelesaiannya.

**#STAND
TOGETHER**